



# GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELAN DIGITAL MAKLUMAT PERANCANGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

*Bahagian Perancangan Fizikal  
Jabatan Perancangan Bandaraya  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur*

EDISI 2024

# ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	TUJUAN	2
3.0	OBJEKTIF	2
4.0	SKOP GARIS PANDUAN	2
5.0	ISTILAH DAN TAFSIRAN	3
6.0	DASAR DAN PERUNDANGAN BERKAITAN	4
7.0	PRODUK PELAN DIGITAL MAKLUMAT PERANCANGAN	4-7
8.0	TATACARA PERMOHONAN	7-11
9.0	KAEDAH PEMBAYARAN	12
10.0	LIABILITI	13
11.0	KESIMPULAN	13
12.0	HUBUNGI	14

## 1.0

## PENDAHULUAN

- i. Bermula 26hb September 2022, DBKL telah menguatkuasakan pelaksanaan penyediaan perkhidmatan permohonan pelan digital maklumat perancangan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) secara *online* kepada orang awam dan pihak berkepentingan melalui aplikasi modul eMAP, City Planning System (CPS).
- ii. Modul eMAP merupakan modul penjualan pelan digital secara *online* yang dibangunkan di dalam City Planning System (CPS) bagi memudahkan orang awam dan pihak berkepentingan memperolehi pelan dan maklumat perancangan seperti Pelan Pembangunan Kuala Lumpur (PPKL) dan pelan guna tanah dengan cepat, mudah dan berasaskan sumber yang sah. Modul eMAP, CPS ini boleh dilayari menerusi **portal rasmi DBKL** atau menerusi <https://cps.dbkl.gov.my/> yang menawarkan proses secara atas talian sepenuhnya, iaitu bermula daripada pendaftaran permohonan, mengakses dan memilih produk pelan digital, pembayaran dan memuat turun pelan digital yang telah dibeli secara online.
- iii. Pelaksanaan kaedah secara online dan penetapan kadar fi bagi perkhidmatan penjualan pelan digital maklumat perancangan ini adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Pelaksanaan Penjualan Pelan Digital Maklumat Perancangan pada 9hb Jun 2022, dan seterusnya telah dilancarkan secara rasmi untuk hebahan awam pada 26hb September 2022. Walau bagaimanapun, bermula 2hb Mei 2024 kadar fi baharu bagi pelan digital geospatial dan penambahbaikan kategori pemohon yang mengemukakan permohonan pelan digital maklumat perancangan telah diperkenalkan selaras dengan keputusan Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS 1) pada 18hb April 2024.
- iv. Perkhidmatan permohonan pelan digital maklumat perancangan secara online ini akan memudahkan urusan orang awam dan pihak berkepentingan untuk mendapatkan pelan-pelan maklumat perancangan dengan cepat dan mudah. Penyediaan perkhidmatan secara digital dan online ini merupakan antara inisiatif Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKL dalam melestarikan pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan DBKL.

## 2.0

## TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pemohon yang ingin memperolehi dan membeli data serta maklumat perancangan dalam format digital yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Kuala Lumpur (PPKL) dan pelan-pelan susunatur/ skim perumahan yang diwartakan serta pelan guna tanah secara online melalui eMAP, CPS.

## Rajah 1:

Paparan Utama eMAP, CPS  
(<https://cps.dbkl.gov.my/public>)



## 3.0

## OBJEKTIF

Objektif utama garis panduan ini adalah seperti berikut:

- i. Memberi panduan kepada pemohon dalam mendapatkan maklumat yang sahih, terkini dan dari sumber rasmi DBKL; dan
- ii. Memberi panduan kepada pemohon dalam tatacara pembelian pelan digital maklumat perancangan.

## 4.0

## SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menjelaskan berkaitan tatacara permohonan pelan digital maklumat perancangan dan kadar fi yang terlibat ke atas **Data Tidak Terperingkat** sahaja.

## 5.0

## ISTILAH DAN TAFSIRAN

Istilah dan tafsiran yang dinyatakan di dalam garis panduan ini adalah berpandukan kepada akta/ dokumen warta/ tafsiran yang digunapakai di peringkat DBKL.

**Jadual 1:** Istilah dan Tafsiran

ISTILAH	TAFSIRAN
Maklumat GIS/ Geospacial	Maklumat saintifik mengenai permukaan bumi dan penghuninya merangkumi maklumat yang terkandung di dalam foto udara, citraan remote sensing, mozek, model paramuka berdigit, peta garisan, maklumat atau data geodesi dan pelan kadaster, kejuruteraan awam dan pelan senibina  (Sumber: Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospacial Terperingkat, JPM, 2007)
Data Digital Maklumat Perancangan	Merujuk kepada persembahan data yang mempunyai pengisian maklumat-maklumat perancangan dan pembangunan di WPKL yang diterjemahkan ke dalam bentuk reruang (spatial) dan dihasilkan di dalam format GIS iaitu shapefile (.shp)  (Sumber: Kajian eMAP, CPS, 2022)
Data Tidak Terperingkat	Apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya yang tidak dikelaskan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" yang perlu diberikan sekatan tahap perlindungan keselamatan.  (Sumber: Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospacial Terperingkat, JPM, 2007)
Pelan Digital	Merujuk kepada peta digital yang dihasilkan berdasarkan customization area of interest (CAOI) dengan penetapan format simbol dan garis panduan warna sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan yang telah diwartakan.  (Sumber: Kajian eMAP, CPS, 2022)
Produk Data	Produk data merujuk kepada siri dataset yang memenuhi kehendak spesifikasi produk data tersebut. Hasil produk data diterjemahkan ke dalam dua jenis format iaitu <i>softcopy</i> (shp. dan pdf) dan <i>hardcopy</i> (cetakan).  (Sumber: Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi Produk Data Geospacial, JPM, 2007 dan Kajian eMAP, CPS, 2022)
Pelan Statik	Merujuk kepada peta digital yang telah sedia dicipta dengan penetapan format simbol dan garis panduan warna sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan yang telah diwartakan.  (Sumber: Kajian eMAP, CPS, 2022)
Statutory Plan	<i>Statutory Plan</i> merupakan dokumen pelan pembangunan yang disediakan berasaskan peruntukan undang-undang perancangan.  (Sumber: Local Government: Municipal Structures Act, 1998 (Act 117 of 1998))
Non-Statutory Plan	<i>Non- Statutory Plan</i> di dalam aspek perancangan adalah dokumen yang disediakan bagi menyokong statutory plan seperti garis panduan yang bertujuan untuk memandu bentuk pembangunan mengikut langkah-langkah tertentu.  (Sumber: <a href="https://www.lawinsider.com/dictionary/non-statutory-plan">https://www.lawinsider.com/dictionary/non-statutory-plan</a> )

## 6.0

## DASAR DAN PERUNDANGAN BERKAITAN

Garis panduan ini disediakan berpandukan kepada dasar dan perundangan semasa antaranya seperti berikut:

- i. Akta Rahsia Rasmi, 1972 (Akta 88);
- ii. Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982 Kaedah Kaedah Rancangan (Pembangunan) (Pindaan) dan Kadar Fi Permohonan Kebenaran Merancang di Bawah Kaedah Rancangan Pembangunan 1970;
- iii. Pelan Strategik Pendigitalan DBKL 2021-2025;
- iv. Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi Produk Data Geospasial, Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Tahun 2014;
- v. Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat, JPM, 2007; dan
- vi. Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2005, Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospasial.

## 7.0

**PRODUK PELAN DIGITAL MAKLUMAT**  
 PERANCANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

### 7.1 Senarai Produk Pelan Digital

Produk pelan digital secara umumnya terdiri daripada dua kategori iaitu produk di bawah kategori *Statutory Plan* dan *Non-Statutory Plan* seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2:** Senarai Produk Pelan Digital Maklumat Perancangan di dalam eMAP, CPS

BIL.	NAMA PELAN	KETERANGAN PELAN
<i>Statutory Plan</i>		
1.	Pelan Zon Guna Tanah PBRKL2020	Pelan Zon Guna Tanah PBRKL2020 bagi keseluruhan WPKL Pelan Zon Guna Tanah PBRKL2020 Mengikut Kategori Zon Guna Tanah
2.	Pelan Intensiti PBRKL2020	Pelan Intensiti PBRKL2020 bagi keseluruhan WPKL Pelan Intensiti PBRKL2020 bagi keseluruhan WPKL
3.	Pelan Intensiti PBRKL2020 bagi keseluruhan WPKL	Pelan Zon Warisan Pelan Koridor Tepian Sungai Pelan Zon Perancangan Transit Pelan Kawalan Ketinggian

BIL.	NAMA PELAN	KETERANGAN PELAN
5.	Comprehensive Development Plan 1970 (CDP)	CDP 1039
		CDP 1040
		CDP 1041
6.	Pelan Susunatur Warta bagi Wilayah Persekutuan Kuala	Pelan Susunatur Warta sebagaimana yang disenaraikan di dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) Caj Pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013 – Akta 267) mengikut nama taman perumahan
7.	Pelan Sempadan Pentadbiran WPKL	Pelan sempadan pentadbiran WPKL berdasarkan Pelan Warta No. 383
8.	Pelan Sempadan Parlimen	Pelan sempadan parlimen WPKL
		Pelan sempadan parlimen mengikut nama parlimen
<b>Non-Statutory Plan</b>		
1.	Pelan Guna Tanah Semasa	Guna Tanah Semasa Keseluruhan WPKL
		Guna Tanah Semasa Mengikut Kategori Guna Tanah Semasa
		Guna Tanah Semasa Mengikut Sempadan Parlimen
		Guna Tanah Semasa Mengikut Sempadan Kawasan Perancangan
2.	Pelan Asas	Peta Lot Asas (Basemap) WPKL
		Sempadan Kawasan Perancangan
		Rangkaian Lebuhraya dan Jalanraya
		Stesen dan rangkaian rel
		Sungai dan Kolam/Tasik

*Sumber: Katalog eMAP, CPS*

Walau bagaimanapun, permohonan pelan adalah tidak terhad kepada senarai produk yang dinyatakan di **Jadual 2** sahaja. Penambahan pelbagai jenis pelan digital akan dikemaskini dari semasa ke semasa di dalam eMAP, CPS seiring dengan penambahan maklumat dan kajian-kajian sektoral perancangan yang dilaksanakan di peringkat jabatan kelak. Pemohon juga boleh mengemukakan permohonan pelan digital mengikut data atau kawasan tertentu tertakluk kepada pertimbangan kelulusan DBKL dan kadar fi yang ditetapkan.

## 7.2 Format Produk Pelan Digital

Pelan digital maklumat perancangan boleh diperolehi dalam tiga (3) format iaitu:

- i. Geospasial/ GIS (shapefile) mengikut sistem unjuran World Geodetic System 1984 - WGS84;
- ii. PDF; dan
- iii. JPEG



### 7.3 Kadar Fi bagi Perkhidmatan Pelan Digital

- i. Kadar fi bagi pelan digital adalah berasaskan kapasiti data per Megabait iaitu **RM483.00/ 1 Megabait (MB)** seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3:** Kadar Fi Bagi Pelan dan Maklumat Digital

FORMAT DIGITAL	RESOLUSI DATA	SAIZ PELAN	KADAR FI
PDF/ JPEG	150-300dpi	A4 - A1 dan mengikut kapasiti data per megabait	RM483.00/ 1MB
Geospasial/ GIS (Shapefile)	<i>Controlling layer Zoom</i>	Mengikut kapasiti data per megabait	RM483.00/1MB

Sumber: JKPS Bil. 13/2024 (18.4.2024)

- ii. Kadar fi yang dikenakan adalah berbeza mengikut kategori pemohon yang mengemukakan permohonan pelan digital maklumat perancangan seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4:** Kadar Fi Pelan Digital Mengikut Kategori Pemohon

BIL.	KATEGORI PEMOHON	BAYARAN
1.	<b>Syarikat swasta/ Agensi Swasta/ Orang Awam/ NGO/ IPT</b>	Bayaran Penuh
2.	<b>Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun/ GLC</b>	Pengurangan sebanyak 50% daripada harga bayaran penuh
3.	<b>Pelajar IPT</b> ( <i>sehingga peringkat Ijazah Pertama dan tidak terlibat dengan mana-mana geran penyelidikan/ projek sahaja</i> )	RM100/ 1MB
4.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Perdana Menteri</b></li> <li>• <b>Jabatan Wilayah Persekutuan</b></li> <li>• <b>Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara, PLANMalaysia</b></li> </ul> <i>(Guna Tanah Semasa dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur sahaja)</i>	Dikecualikan dari bayaran
5.	Jabatan Dalaman DBKL	Dikecualikan dari bayaran

Sumber: JKPS Bil. 13/2024 (18.4.2024)



- iii. Bagi perkhidmatan cetakan pelan digital (*hardcopy*), kadar fi adalah berdasarkan saiz pelan iaitu seperti **Jadual 5**.

**Jadual 5:** Kadar Fi Bagi Pelan Statik (Cetakan Pelan Digital)

SAIZ PELAN	UKURAN (MM)	KADAR FI (BERWARNA)	KADAR FI (GRAYSACLE)
A1	594 x 841	RM130.00	RM70.00
A2	420 x 594	RM70.00	RM60.00
A3	297 x 420	RM50.00	RM40.00
A4	210 x 297	RM40.00	RM20.00

Sumber: Mesyuarat Pelaksanaan Penjualan Pelan Digital Maklumat Perancangan (9.6.2022)

## 8.0

### TATACARA PERMOHONAN

Sebelum memulakan permohonan pelan digital secara online, pemohon perlu mematuhi keperluan minimum perkakasan dan rangkaian bagi membolehkan akses permohonan dilaksanakan melalui eMAP, CPS seperti berikut:

- Menggunakan desktop/PC atau
- Menggunakan alat peranti mudah alih seperti telefon bimbit dan laptop;
- Menggunakan platform Internet Explorer 9.0/ Mozilla Firefox 12.0/ Google Chrome 13.0 dan ke atas;
- Resolusi paparan minimum 1024 x 768 pixel.

Secara umumnya, permohonan pelan digital melalui eMAP, CPS dibahagikan kepada dua kategori permohonan iaitu:

## i. Kategori A

Permohonan yang melibatkan senarai produk pelan digital yang tersedia ada dalam eMAP CPS. Pemohon boleh membuat pemilihan ke atas senarai produk yang sedia ada dengan penetapan harga yang telah ditetapkan.

## ii. Kategori B


Permohonan yang tiada dalam senarai produk pelan digital dalam eMAP CPS. Permohonan di bawah kategori ini adalah tertakluk kepada pertimbangan kelulusan DBKL dan penetapan kadar harga berasaskan kapasiti data yang telah dihasilkan.

### 8.1 Permohonan Kategori A: Permohonan Melalui eMAP,CPS

- i. Pemohon boleh membuat akses ke eMAP,CPS dengan melayari url <https://cps.dbkl.gov.my/emapcps/> atau melalui portal rasmi DBKL.
- ii. Pemohon boleh merujuk kepada Manual Pengguna yang disediakan di dalam eMAP,CPS bagi mendapatkan pemahaman mengenai tatacara penggunaan sistem ini dengan lebih terperinci.
- iii. Rajah 2 memaparkan tatacara permohonan pelan digital maklumat perancangan melalui eMAP, CPS.



**Jadual 2:** Carta Alir Tatacara Permohonan Pelan Digital Maklumat Perancangan Melalui eMAP, CPS



## 8.2 Permohonan Kategori B: Permohonan Selain Daripada Senarai Produk eMAP,CPS


- i. Pemohon mengemukakan Surat Rasmi (**Template di Lampiran A**) dan Borang Permohonan (**Lampiran B**) kepada Pengarah, JPRB dengan menyatakan secara terperinci justifikasi permohonan ke alamat seperti berikut:

**Pengarah**  
**Jabatan Perancangan Bandaraya,**  
**Tingkat 9, Menara DBKL 1,**  
**Jalan Raja Laut,**  
**50350 Kuala Lumpur.**  
**(email: [jprb@dbkl.gov.my](mailto:jprb@dbkl.gov.my))**

- ii. Pemohon akan dimaklumkan berkaitan status permohonan samada **Gagal** atau **Berjaya** melalui maklumat perhubungan yang dinyatakan.
- iii. Pembayaran adalah tertakluk kepada kadar fi sebagaimana yang dinyatakan di **Jadual 3** dan **Jadual 4** dan perlu dijelaskan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh invoice dikeluarkan.
- iv. Sekiranya proses pembayaran tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut permohonan akan terbatal dengan serta-merta.
- v. Serahan item pembelian hanya akan dilaksanakan setelah pihak jabatan menerima salinan resit bayaran asal iaitu melalui makluman email atau serahan tangan atau melalui pos.
- vi. **Rajah 3** memaparkan ringkasan mengenai tatacara permohonan pelan digital maklumat perancangan selain daripada senarai produk eMAP,CPS.



**Jadual 3:** Carta Alir Tatacara Permohonan Pelan Digital Maklumat Perancangan selain produk di dalam eMAP, CPS



## 9.0

## KAEDAH PEMBAYARAN

- i. Transaksi pembayaran pelan digital boleh dilaksanakan melalui kaedah berikut:

**Jadual 6:** Kaedah Pembayaran Pelan Digital

KATEGORI PERMOHONAN	KAEDAH PEMBAYARAN	SALURAN
<b>Kategori A</b> (Produk dalam eMAP,CPS)	<i>Online Payment</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• FPX</li> <li>• Debit/Credit Card</li> </ul>
<b>Kategori B</b> (Selain produk di dalam eMAP,CPS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Bayaran Tunai</i></li> <li>• <i>Debit/Credit Card</i></li> </ul>	<b>Kaunter Kewangan DBKL,</b> Aras G, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
	<i>EzPay (handheld)</i>	<b>Kaunter Unit Geospasial,</b> Jabatan Perancangan Bandaraya Tingkat 11, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

- ii. Bagi **permohonan Kategori A**, resit rasmi DBKL akan dijana melalui eMAP, CPS setelah proses pembayaran berjaya dilaksanakan, dan sistem akan mengaktifkan fungsi memuat turun pelan digital tersebut melalui eMAP CPS.
- iii. Manakala bagi **permohonan Kategori B**, pemohon dikehendaki mengemukakan resit pembayaran yang dikeluarkan oleh kaunter kewangan DBKL kepada Unit Geospasial JPRB samada secara fizikal (serahan tangan) atau melalui email sebelum serahan pelan digital dikemukakan kepada pemohon.
- iv. Pemohon perlu memastikan rangkaian internet yang digunapakai adalah dalam keadaan stabil semasa proses pembayaran sedang dilaksanakan. Pihak DBKL tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan transaksi yang berlaku akibat gangguan capaian internet tersebut;

## 10.0

### LIABILITI

- i. DBKL tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang impak negatif atau kerosakan yang berlaku terhadap penggunaan maklumat geospasial melalui penjualan ini tanpa rujukan, kebenaran atau pengesahan dari Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKL.
- ii. DBKL juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan data dan maklumat yang dipaparkan di dalam sistem ini dengan tanpa sebarang notis.
- iii. Pengguna perlu sentiasa menyebut sumber data asal di dalam setiap penerbitannya dan bertanggungjawab dari segi penggunaan, analisis dan tafsiran data yang digunakan.
- iv. Pelan digital maklumat perancangan yang dibeli melalui sistem ini tidak boleh dijadikan sebagai bahan bukti atau keterangan bagi sebarang kes di mahkamah dan yang seumpama dengannya.

## 11.0

### KESIMPULAN

Penjualan pelan digital maklumat perancangan secara *online* ini akan memudahkan urusan orang awam untuk mendapatkan pelan-pelan maklumat perancangan dengan cepat dan mudah. Pelan-pelan maklumat ini juga dapat memberikan maklumat yang tepat berkaitan dengan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur (PSKL dan PTKL) selain daripada pelan-pelan warta yang lain. Pelaksanaan ini juga selari dengan agenda Nasional iaitu melalui inisiatif Pendigitalan Sektor Awam manakala di peringkat DBKL pula menerusi tindakan di bawah Kuala Lumpur Smart City Masterplan 2025 dan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon 2030. Usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan teknologi digital dan dalam talian bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan DBKL kepada para pelanggannya.

## 12.0

### HUBUNGI

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi alamat seperti berikut:

**Unit Geospacial**  
**Jabatan Perancangan Bandaraya,**  
**Tingkat 11, Menara DBKL 1,**  
**Jalan Raja Laut, 50350,**  
**Kuala Lumpur.**  
email: [ug@dbkl.gov.my](mailto:ug@dbkl.gov.my)  
[emapcps.jprb@gmail.com](mailto:emapcps.jprb@gmail.com)  
No.Tel: 03-2617 9611

## 13.0

### TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa pada 2 Mei 2024



# LAMPIRAN A :

## TEMPLATE SURAT BAGI PERMOHONAN PELAN DIGITAL MAKLUMAT PERANCANGAN WPKL



LOGO

1. Kepala Surat Jabatan/Universiti

Ruj. Kami : xxxxxxxx

Tarikh : 01 Januari 2023

2. Alamat Kepada

Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandaraya  
Tingkat 9, Menara DBKL 1,  
Jalan Raja Laut,  
50350, Kuala Lumpur.

Tuan,

3. Tajuk Permohonan

**PERMOHONAN PELAN DIGITAL MAKLUMAT PERANCANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR**

**- BAGI KEGUNAAN PROJEK : XXXXXXXX**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

4. Justifikasi Permohonan

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini sedang melaksanakan pembangunan projek yang bertajuk **XXX** bermula pada **XXX**. Data dan maklumat ini adalah penting bagi **XXXXXXXX**.

3. Sehubungan dengan itu, pertimbangan dan kelulusan tuan adalah dimohon untuk membenarkan data seperti di **Lampiran B (Borang Permohonan)** dijual kepada pihak kami. Jabatan ini juga maklum bahawa data yang dijual adalah tertakluk kepada kadar fi sebagaimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Permohonan Pelan Digital Maklumat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebarang pertanyaan pihak tuan boleh menghubungi **xxx** di talian **xxx** atau melalui email **xxx**. Kerjasama dan perhatian tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

5.

Sekian.

**(xxx)**  
Pengarah  
Jabatan xxx

6.

# LAMPIRAN B :

## BORANG PERMOHONAN PELAN DIGITAL MAKLUMAT PERANCANGAN WPKL





## UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA (Diisikan oleh pejabat)

## a) Kadar Caj

(i) Pelan Statik	Saiz Kertas	Berwarna			Grayscale		
		Harga (RM)	Bil.	Jumlah (RM)	Harga (RM)	Bil.	Jumlah (RM)
	A4	40.00			20.00		
	A3	50.00			40.00		
	A2	70.00			60.00		
	A1	130.00			70.00		

Jumlah : RM \_\_\_\_\_

(ii) Data / Pelan Digital	PDF			GIS Layer		
	Harga (RM) 483.00 per Mb	Saiz (MB)	Jumlah (RM)	Harga (RM) 483.00 per Mb	Saiz (MB)	Jumlah (RM)

Jumlah : RM \_\_\_\_\_

## b) Kadar fi yang dikenakan adalah berbeza mengikut kategori pemohon seperti jadual berikut:

Bil.	Kategori Pemohon	Bayaran	Tandakan (√)
1.	Syarikat swasta/ Agensi Swasta/ Orang Awam/ NGO/ IPT	Bayaran Penuh	
2.	Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun/ GLC	Pengurangan sebanyak 50% daripada harga bayaran penuh	
3.	Pelajar IPT ( <i>sehingga peringkat Ijazah Pertama dan tidak terlibat dengan mana-mana geran penyelidikan/ projek sahaja</i> )	RM100/ 1MB	
4.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Perdana Menteri</li> <li>• Jabatan Wilayah Persekutuan</li> <li>• Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara, PLANMalaysia (Guna Tanah Semasa dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur sahaja)</li> </ul>	Dikecualikan dari bayaran	
5.	Jabatan Dalaman DBKL	Dikecualikan dari bayaran	

## c) Senarai Semak : (Tandakan √)

Surat Rasmi Permohonan

Surat Iringan Berserta Kepala Surat (sekiranya dari IPTA / IPTS)


## d) Penerimaan dan pengesahan permohonan :

Pegawai : .....

Tandatangan : .....

Cop Rasmi : ..... Tarikh : .....

## Nota :

- Borang permohonan ini hendaklah diisi oleh pemohon untuk dihantar bersama-sama permohonan dan menjadi tanggungjawab pemohon sepenuhnya.
- Borang permohonan ini adalah tertakluk kepada pematuhan Garis Panduan Permohonan Pelan Digital Maklumat Perancangan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

